**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 19 JUN 2019 (RABU)

**AKHBAR** **MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- PATI leka berhibur dicekup 19
- Ucapan Ulangtahun Pertama Dato' MB 23

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>19 JUN 2019 (RABU) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | PATI leka berhibur dicekup |
| Muka Surat | 19 |

SH 19/6/19
M/s 19

# PATI leka berhibur dicekup

**AMPANG** - Keasyikan pendatang asing tanpa izin (PATI) berhibur dan membeli-belah di sekitar daerah ini dikejutkan dengan kehadiran Jabatan Imigresen Selangor semalam.

Operasi bermula jam 5.30 petang itu dilakukan pusat snooker, pusat hiburan serta pusat beli-belah hasil maklumat dan risikan.

Pengarah Imigresen Selangor, Mohamad Shukri Nawi berkata, operasi yang tamat kira-kira jam 2.30 pagi berjaya menahan 41 PATI.

"Lokasi pertama di sebuah pasar raya, seramai 18 PATI membabitkan pekerja serta pelanggan ditahan hasil pemeriksaan terhadap 25 warga asing.

"Di lokasi kedua iaitu di sebuah pusat snooker seramai 20 PATI merupakan pelanggan dan pekerja premis ditahan. Ketika serbuan ada cubaan melarikan diri namun berjaya diberkas," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, seramai tiga gadis pelayan pelanggan (GRO) berjaya ditahan pada serbuan di di sebuah pusat hiburan.

Sementara itu, dalam serbuan di sebuah rumah sewa kondominium di Klang, seorang PATI hasil pemeriksaan terhadap empat warga asing.

Katanya, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki permit sah, Seksyen 15(1)(c) akta yang sama kerana telah tamat tempoh permit dan Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 kerana menyalahgunakan permit.



**Antara PATI yang ditahan imigresen dalam serbuan di Ampang semalam.**

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**19 JUN 2019 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Ucapan Ulangtahun Pertama Dato' MB |
| Muka Surat | 23 |

